

PM gembira Pameran Motor Antarabangsa dapat sambutan

UM 14 SEP 2003

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad gembira dengan sambutan baik yang diberikan oleh orang ramai terhadap Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIMS) yang diadakan sejak 5 September lalu dan akan berakhir esok.

Beliau berkata, sambutan baik itu merupakan petanda baik kepada industri kereta dan automotif negara.

“Saya gembira melihat kejayaan KLIMS dan nampaknya ramai Malaysia amat berminat dengan industri kereta dan automotif, ia merupakan satu pertanda baik,” katanya kepada pemberita ketika

ditemui selepas melawat KLIMS di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Perdana Menteri yang diiringi oleh Presiden Persatuan Automotif Malaysia (AAM), Aishah Ahmad melawat ruang-ruang pameran utama seperti Hicomobil Sdn. Bhd., yang mengedarkan kereta Chevrolet.

Dr. Mahathir juga melawat ruang pameran yang mempamerkan kereta-kereta berkuasa tinggi seperti Naza Brabus yang mempamerkan model kereta Jerman seperti Brabus SLK 3.8S dan Brabus CV8.

Kereta dan motosikal tempatan yang dipamerkan iaitu Proton

dan Modenas turut menjadi perhatian utama Dr. Mahathir dengan meluangkan masa yang lebih lama di kedua-dua petak pameran tersebut.

KLIMS yang berakhir esok disertai oleh 238 peserta dari 21 buah negara di mana sebanyak 116 buah kereta, 49 buah motosikal dan sembilan lori dipamerkan di tujuh dewan besar PWTC.

Kenderaan-kenderaan baru turut dilancarkan semasa KLIMS iaitu Citroen C3 Pluriel, Ford Lynx RS Turbo, Chevrolet Aveo, Mazda RX-8 serta tiga model Peugeot iaitu 807, 307 dan Partner.